

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 PENDAHULUAN**

Di dalam bab ini, Pengkaji akan mengemukakan kesimpulan yang diperolehi daripada perbincangan dan laporan analisis kajian yang telah dijalankan daripada bab-bab sebelum ini. Dalam bab ini juga, Pengkaji akan mengutarakan beberapa langkah dan cadangan supaya kefahaman dan pelaksanaan masyarakat terhadap *mahar* ini dapat dipertingkatkan dan yang paling penting adalah amalan masyarakat dalam menetapkan kadar *mahar* selaras dengan perundangan Islam berdasarkan pengetahuan yang sebenar bukan sekadar ikut-ikutan serta memahami dan menyedari kepentingan pensyariaan *mahar* ini dalam konteks kehidupan kini khususnya bagi golongan wanita.

#### **5.1 KESIMPULAN**

Berikut adalah beberapa kesimpulan yang dapat Pengkaji kemukakan setelah kajian dilakukan.

**Pertama :** Sarjana Islam telah menghuraikan konsep dan kedudukan *mahar* di dalam perkahwinan umat Islam berpandukan kekuatan dalil al-Quran, al-Sunnah, sirah dan peristiwa di zaman sahabat. Dengan itu diyakini bahawa pemberian *mahar* adalah satu kewajipan yang dituntut syarak kepada suami untuk diberikan kepada isteri dalam menyempurnakan sesebuah perkahwinan.

**Kedua :** *Mahar* adalah penyempurnaan kepada *al-Hājiyāt*. Dengan kedudukannya itu, akad perkahwinan tetap sah walaupun tanpa menyebutnya semasa ijab dan qabul. Pendapat jumhur menyatakan bahawa pemberian *mahar* bukanlah syarat sah untuk akad perkahwinan. *Mahar* adalah hak mutlaq wanita dan walinya tidak berhak mengambilnya.

**Ketiga :** Pensyariat *mahar* membuktikan bahawa Islam telah mengangkat status sosial wanita dan ia juga merupakan proses mengislamisasikan amalan masyarakat Arab Jahiliyyah di mana Islam memberikan hak pemilikan *mahar* kepada wanita secara mutlak dan memberi mereka hak memiliki harta sendiri.

**Keempat :** Cendekiawan Islam moden dan sarjana barat berpendapat *mahar* bukan sekadar kewajipan menurut hukum, tetapi sebagai elemen penting bagi wanita melindungi dirinya dan menjadi lambang kemuliaan diri mereka. Perlindungan hak ini telah dilaksanakan melalui sistem perundangan yang menyediakan peruntukan khusus mengenai *mahar* di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

**Kelima :** Masyarakat lebih cenderung menetapkan *mahar* mengikut ketetapan kadar yang telah ditetapkan Jabatan Agama Islam Negeri dan mengamalkan konsep *mahar musamma* yang dibayar secara tunai. Kaedah ini dilihat selaras dengan prinsip *siyāsah shar'īah* Islam iaitu pemerintah menetapkan sesuatu perkara demi menjaga kepentingan rakyatnya. Namun, sebahagian masyarakat menganggap amalan menentukan *mahar* mengikut ketetapan kerajaan negeri ini telah menjadi satu '*uruf*' masyarakat Islam di Klang.

**Keenam :** Secara umumnya masih ramai golongan masyarakat yang kurang memahami hukum pemberian *mahar* ini dan ada yang menganggapnya sebagai bayaran adat. Falsafah dan pemahaman masyarakat tentang *mahar* perlu dijelaskan bukan sekadar syarat melengkapkan perkahwinan tetapi perlu memahami tujuan dan matlamat pemberian *mahar*.

**Ketujuh :** Sebahagian masyarakat menganggap penetapan kadar *mahar* oleh pihak berkenaan sebagai satu peraturan yang ditetapkan mengikut agama Islam yang perlu diikuti tanpa kompromi kerana ia telah menjadi syarat yang perlu ada di dalam sesuatu perkahwinan seperti yang termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor.

**Kelapan :** Masih ramai golongan wanita yang tidak mengetahui hak mereka dalam menuntut bayaran *mahar* yang tertunggak atau terhutang di mahkamah kerana tidak mempunyai pengetahuan walaupun mereka merupakan golongan berpendidikan tinggi.

**Kesembilan :** Pengaruh adat di dalam menentukan kadar *mahar* ini tidak begitu kuat atau hampir tidak ada ekoran daripada masyarakat yang lebih dominan mengikut ketetapan kerajaan negeri.

**Kesepuluh :** Kemampuan pihak suami, peningkatan ekonomi dan taraf hidup sedikit sebanyak mempengaruhi kadar penetapan *mahar* tetapi faktor-faktor ini sebenarnya dilihat lebih dominan mempengaruhi kadar penetapan hantaran.

**Kesebelas :** Majoriti wanita menukarkan nilai wang *mahar* yang diterima dengan membeli barang kemas. Sebahagian wanita menyedari kepentingan *mahar* sebagai aset penting dan sumber kewangan untuk jangkamasa yang panjang. Wanita yang bekerjaya menganggap *mahar* hanya sebagai pemberian hadiah dari pihak suami.

**Keduabelas :** Kesedaran wanita terhadap kepentingan *mahar* boleh menjadi sumber kewangan berada ditahap kurang memuaskan disebabkan faktor kekurangan pengetahuan dan kurangnya pendedahan dari media massa dan media cetak.

## **5.2 CADANGAN**

Daripada hasil kajian yang telah dilakukan, berikut adalah beberapa cadangan yang dikemukakan untuk diperhati dan diambil tindakan sewajarnya agar pelaksanaan *mahar* ini tidak hanya dilaksanakan kerana dianggap sebagai satu *uruf* tetapi sebagai satu tuntutan di dalam Islam. Antara cadangan Pengkaji ialah :

**Pertama :** Masyarakat perlu diberi kefahaman terhadap kepentingan dan tujuan Islam mensyariatkan *mahar* supaya tidak mendahulukan tuntutan peribadi dengan tuntutan Islam. Mereka yang berkenaan perlu menerangkan kepada pihak yang terlibat apakan konsep sebenar *mahar* menurut Islam dan matlamat pensyariatannya. Sebagai contoh :

- i. Jawatankuasa masjid atau surau perlu memberi penerangan kepada masyarakat melalui ceramah atau kuliah-kuliah di masjid dan surau mengenai tujuan dan matlamat pemberian *mahar*. Kekeliruan diantara bayaran *mahar* dan hantaran juga perlu dijelaskan agar tidak timbul kekeliruan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan. Ini kerana ilmu masyarakat terhadap perkahwinan menurut Islam masih cetek

kerana di dalam pengajian-pengajian umum, bab ibadah lebih ditekankan berbanding bab *munakahat*.

- ii. Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) amat penting dalam menerangkan kepada masyarakat khususnya orang awam mengenai penetapan kadar *mahar* sebagai satu bentuk peraturan atau sebagai garis panduan kepada mereka. Melalui penerangan ini, masyarakat akan lebih memahami tujuan penetapan tersebut diadakan.
- iii. Selain itu, metod penyampaian di dalam kursus perkahwinan perlu dinilai kembali agar objektifnya tercapai terutama aspek hak-hak dan tanggungjawab suami isteri yang perlu diberi penekanan secara mendalam dan lebih meluas. Pelaksanaan kursus perkahwinan yang diwajibkan kepada bakal pengantin perlu diperluaskan skopnya, bukan dikalangan mereka yang bakal berkahwin tetapi juga kepada golongan remaja atau sesiapa sahaja untuk diberi nasihat, pendedahan dan bimbingan mengenai perkahwinan.
- iv. Guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam atau Pendidikan Syariah perlu menerangkan konsep *mahar* ini kepada pelajar agar mereka mendapat gambaran yang jelas mengenainya.
- v. Ibu bapa perlu mengamalkan sikap bertolak ansur dan toleransi terutamanya di dalam hal perkahwinan ini. Budaya masyarakat yang suka bermegah-megah dan '*materialistic*' perlu diubah supaya golongan muda yang ingin berkahwin tidak mengalami kesulitan kerana perlu membayar wang *mahar* yang mahal serta bayaran hantaran yang terlalu tinggi.

vi. Graduan-graduan dari bidang agama juga perlu memainkan peranan dengan menjadi *role model* yang baik kepada masyarakat terutamanya dalam urusan perkahwinan ini. Hal ini kerana mereka sering menjadi rujukan dan panduan masyarakat sekeliling dalam melakukan sebarang tindakan.

**Kedua** : Peranan aktivis wanita dan golongan akademik menguar-uarkan kepentingan *mahar* ini sebagai satu aset penting kepada wanita untuk jangka masa yang panjang dan bagaimana ia boleh menjadi sumber kekuatan kepada wanita. Melalui seminar-seminar, forum-forum dan aktiviti kemasyarakatan, golongan wanita ini dapat didedahkan kepada maklumat-maklumat yang berkaitan hak dan kepentingan mereka.

**Ketiga** : Media masa terutamanya media cetak dan eletronik turut memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman dan menjelaskan konsep *mahar* ini kepada masyarakat. Melalui penerbitan buku, majalah ataupun rancangan-rancangan di televisyen ataupun radio, ia akan menjadi medium bagi masyarakat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai hak mereka.

**Keempat** : Cadangan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan *mahar* mengikut tahap ekonomi dan kemampuan pihak lelaki yang akan berkahwin. Ini kerana kenaikan kadar *mahar* yang terbaru di Negeri Selangor mendapat pelbagai reaksi dari masyarakat tempatan. Oleh itu, penetapan kadar *mahar* ini boleh dilakukan melalui tiga peringkat iaitu :

- a) Kadar bagi golongan berpendapatan tinggi
- b) Kadar bagi golongan berpendapatan sederhana
- c) Kadar bagi golongan berpendapatan rendah atau bekerja sendiri

### **5.3 PENUTUP**

Kajian sebanyak lima bab ini Pengkaji bentangkan untuk mengetahui bagaimana kefahaman sebenar masyarakat dalam menetapkan *mahar* dan pelaksanaannya. Di samping itu, Pengkaji juga ingin mengetahui sejauh mana golongan wanita menyedari kepentingan *mahar* ini dengan melihat penggunaan mereka terhadap *mahar* yang diberi.

Hasil kajian ini juga diharap dapat dijadikan pedoman bagaimana konsep *mahar* yang seharusnya difahami menurut syarak. Pengkaji berharap agar persepsi masyarakat yang telah terkesan dengan sifat bermegah-megah dapat dikikis agar generasi akan datang dapat membentuk sebuah keluarga yang bahagia dan mengamalkan cara hidup berlandaskan syariat.

Pengkaji telah berusaha untuk mendapatkan maklumat dan fakta yang jelas bagi setiap topik perbincangan yang diutarakan. Pengkaji berharap pada masa akan datang, sebarang kekurangan atau kelompongan yang masih ada di dalam Pengkajian ini dapat diperbaiki dan Pengkaji mencadangkan agar skop kajian pada masa akan datang diperluaskan lagi bagi mendapatkan maklumat yang lebih padat dan jitu.